

# Opsyen bersara pada usia 60 tahun

Oleh HATA WAHARI  
(WARTAWAN UTUSAN)

Um - 9/2/2007

GESAAAN agar umur persaraan kakitangan kerajaan dinaikkan dari 56 tahun kepada 60 tahun telah banyak kali disuarakan, malahan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam, (Cuepacs) telah memperjuangkan perkara ini sejak tahun 1999 lagi.

Perjuangan Cuepacs hanya mencapai kejayaan kecil apabila kerajaan bersetuju untuk melanjutkan usia persaraan kepada umur 56 tahun pada tahun 2001.

Isnin lepas Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD), Tan Sri Aseh Che Mat pada majlis makan malam persatuan itu yang dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan cadangan umur persaraan kakitangan kerajaan kepada umur 60 tahun.

Setiausaha Agung Cuepacs, Ahmad Shah Zain ketika dihubungi memberitahu, kerajaan perlu mempertimbangkan agar umur persaraan kakitangan kerajaan pada usia 60 tahun memandangkan ia banyak kelebihan.

Beliau menggariskan dua perkara pokok rasional permintaan Cuepacs, pertama ialah bagi mengekalkan kakitangan yang mempunyai pelbagai pengalaman dan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu memandangkan pada masa ini banyak jabatan-jabatan kerajaan kekurangan kakitangan pakar.

Perkara kedua ujarinya, mengurangkan bebanan kerajaan untuk membayar pencen kakitangan kerajaan.

"Dianggarkan jumlah pencen yang perlu dibayar oleh kerajaan adalah tinggi jika polisi sekarang diteruskan," katanya.

Ahmad Shah menegaskan, dua perkara pokok ini telah mencukupi untuk kerajaan menimbang untuk meningkatkan usia persaraan kakitangan kerajaan pada 60 tahun.

Bagaimanapun umur persaraan 60 tahun tidak boleh dibuat sebagai mandatori di mana semua kakitangan kerajaan perlu bersara pada usia tersebut sebaliknya ia sepatutnya sebagai opsyen.

Pada masa ini kakitangan kerajaan boleh memohon untuk bersara pada usia 40 tahun, 50 tahun atau pada usia persaraan wajib pada usia 56 tahun.

Ahmad Shah menegaskan, apa salahnya untuk memberikan opsyen kepada kakitangan kerajaan untuk bersara pada usia 60 tahun.

Perkara persaraan kakitangan kerajaan pada usia 60 tahun juga banyak dibangkitkan di kalangan pensyarah-pensyarah universiti yang melihat persaraan pada usia 56 tahun sebenarnya membunuh hasrat mereka untuk mendidik generasi muda.

Bekas Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr. Hashim Yaacob semasa menyampaikan Amanat Perdana pada tahun 2005 memberitahu, profesor-profesor universiti di Malaysia berhadapan dengan masalah persaraan awal yang menyebabkan mereka tidak dapat mengembangkan lagi perkhidmatan mereka dalam bidang akademik.

Katanya, ini berlainan dengan profesor-profesor universiti dari negara lain yang usia persaraan pada umur 60 atau 65 tahun masih mempunyai peluang untuk terus meningkatkan ilmu dalam bidang akademik.

Pada masa ini pensyarah dan profesor universiti hanya dibenarkan untuk meneruskan perkhidmatan menerusi skim kontrak mengikut Akta Pencen 1980.

Seseorang pensyarah atau profesor boleh berkhidmat sehingga umur 70 tahun kerana tahap kesihatan yang bertambah baik dan masih mampu menyalurkan khidmat yang efisien kepada warga universiti.

Melihat usia persaraan negara-negara lain iaitu Singapura pada umur 62 tahun, India (58 tahun), Filipina (63 tahun) dan Jepun (60 tahun) kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan perkara ini. Tidak salah rasanya untuk memberikan opsyen kepada kakitangan kerajaan untuk memilih usia persaraan yang paling mereka selesa.